

Langkah NBOS perluas perkhidmatan kerajaan kepada orang ramai

4 lagi UTC akan dibuka tahun depan

Oleh AQILAH MIOR
KAMARULBAID

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 8 DIS.

INI SIATIF Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang dilaksanakan oleh kerajaan sejak enam tahun lalu berjaya mentransformasi secara radikal kaedah penyampaian perkhidmatan kerajaan.

NBOS yang dilaksanakan berasaskan tiga penekanan utama iaitu berimpak tinggi, kos rendah dan pelaksanaan yang pantas, dilihat sebagai platform khusus bagi menjayakan projek-projek yang berteraskan rakyat selain merangkumkan sosial ekonomi serta sokongan untuk inovasi.

Ekoran kejayaan itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun

Razak terus memberi penekanan kepada NBOS semasa pembentangan Bajet 2017 pada Oktober lalu termasuk pembinaan beberapa lagi Pusat Transformasi Bandar (UTC) pada tahun depan.

Pengarah Unit Strategi Nasional, Kementerian Kewangan, Datuk Dr. Aminuddin Hassim berkata, UTC yang menyediakan pelbagai perkhidmatan di bawah satu bumbung akan ditambah pada tahun depan, justeru menjadikan sebanyak 108 daripada 104 sekarang.

Katanya, empat lagi UTC akan dibuka di Perlis, Negeri Sembilan, dan pada masa ini sedang mengadakan perbincangan dengan Pulau Pinang dan Selangor bagi mengenal pasti lokasi sesuai untuk membuka UTC di kedua-dua negeri itu.

Beliau berkata, perkhidmatan

di UTC akan sentiasa ditambah baik kerana pusat tersebut sentiasa menjadi tumpuan orang ramai untuk mendapatkan perkhidmatan.

Sejak ditubuhkan sebanyak 3.7 juta orang telah mendapatkan perkhidmatan di UTC dan orang ramai boleh menikmati perkhidmatan pusat pekerjaan tidak lama lagi seperti yang dimaklumkan oleh Perdana Menteri.

Inisiatif tersebut yang merupakan kerjasama antara Kementerian Sumber Manusia melalui agensinya, Job Malaysia akan ditubuhkan di setiap UTC, katanya.

“Bagi anak muda yang ingin mencari pekerjaan tidak perlu lagi bersusah payah, mereka hanya perlu pergi ke UTC untuk mendaftar atau ditemuduga,” katanya yang ditemui *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

Menurut Aminuddin, selain itu, UTC atau Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) terpilih akan dibangunkan sebagai Myfarm Outlet yang akan memasarkan makanan segar terus dari ladang.

Bahan makanan tersebut akan dihantar setiap hari serta dijual pada harga yang lebih murah daripada pasaran.

Pihaknya juga sedang berbincang bagi membolehkan perkhidmatan di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dapat dilaksanakan di satu kaunter yang sama.

Aminuddin berkata, UTC telah menjimatkan sebanyak RM1.5 bilion dengan menggunakan bangunan yang tidak digunakan sepenuhnya sebagai premis operasi tanpa perlu membina bangunan baharu bagi menyediakan

perkhidmatan sehenti itu.

“Peruntukan untuk membina UTC adalah sebanyak RM150 juta, namun secara purata kos perbelanjaan antara RM40 hingga RM50 juta dengan penjimatan RM100 juta bagi setiap UTC,” jelasnya.

Beliau berkata, dengan pelan NBOS terbaharu ini akan menambah tiga lagi RTC di Selangor, Sabah dan Sarawak

“Kita juga diberi mandat untuk memberi perkhidmatan kerajaan di kawasan pedalaman dengan menambah empat aset mobil bergerak sama ada bas atau lori yang diubahsuai menjadi pejabat atau kaunter perkhidmatan *Mobile Community Transformation Centre (Mobile CTC)* di kawasan pedalaman bagi membolehkan masyarakat setempat mendapat perkhidmatan kerajaan,” tambahnya.